

**PROMOSI BERSAMA**  
**BANK ISLAM DAN TH TRAVEL & SERVICES SDN BHD**  
**( 5 JUN 2026 – 30 JUN 2027 )**

**Promotion Terms & Conditions**

**Promosi: Pakej dari TH Travel & Services Sdn Bhd**

**Tarikh tempahan : 5 Jun 2026 – 30 Jun 2027**

**Tarikh perjalanan : 5 Julai 2026 – 31 Julai 2027**

**TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT DARI TH TRAVEL & SERVICES SDN BHD**

1. Promosi sah bermula 5 Jun 2026 sehingga 30 Jun 2027.
2. Bayaran hendaklah dibuat menggunakan Kad-i Bank Islam (Kad Kredit-i & Kad Debit-i).
3. Permohonan visa adalah tertakluk kepada pengesahan dan kelulusan pihak yang berkuasa.
4. Harga pakej adalah tertakluk kepada pindaan dan perubahan harga penginapan, tambang penerbangan, surcaj bahan api, takaful/insuran, bayaran perkhidmatan syarikat penerbangan dan sebagainya tanpa notis oleh THTS.
5. Pembayaran deposit RM 300 (bagi pakej yang berharga RM 5,000 ke bawah) atau RM 1,000 (bagi pakej berharga RM 5,001 ke atas) hendaklah dibayar semasa pengesahan tempahan.
6. Pembatalan tempahan perlu dibuat secara bertulis untuk mengelakkan salah faham. Jika TH Travel menerima notis untuk membatalkan tempahan itu 45 hari atau lebih sebelum tarikh berlepas, fi pentadbiran sebanyak RM 300 atau 2% daripada harga pakej (mengikut mana-mana yang lebih tinggi) seorang akan dikenakan.
7. \*Jika notis pembatalan diterima kurang dari 45 hari sebelum tarikh berlepas, caj yang berikut akan terpakai:

| <b>Pembatalan Diterima</b>                  | <b>Caj Pembatalan Bagi Setiap Orang</b>                                                                           |
|---------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| > 45 hari ke atas sebelum tarikh berlepas   | RM 300 <u>seorang atau 2% daripada harga pakej (mengikut mana-mana yang lebih tinggi) seorang akan dikenakan.</u> |
| 27-44 hari sebelum tarikh berlepas          | Wang Deposit tidak akan dipulangkan                                                                               |
| 22-26 hari sebelum tarikh berlepas          | 50% daripada harga pakej                                                                                          |
| 15-21 hari sebelum tarikh berlepas          | 75% daripada harga pakej                                                                                          |
| 14 hari atau kurang sebelum tarikh berlepas | 100% daripada harga pakej                                                                                         |

**PROMOSI BERSAMA**  
**BANK ISLAM DAN TH TRAVEL & SERVICES SDN BHD**  
**( 5 JUN 2026 – 30 JUN 2027 )**

**Promotion Terms & Conditions**

**TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT DARI TH TRAVEL & SERVICES SDN BHD**

8. Deposit tidak akan dikembalikan kepada pelanggan sekiranya pembatalan dibuat kurang dari 45 hari sebelum tarikh penerbangan.
9. Bayaran penuh hendaklah dijelaskan oleh pelanggan 30 hari sebelum tarikh perlepasan penerbangan.
10. Semua jadual penerbangan adalah tertakluk kepada pindaan dan perubahan tanpa notis oleh syarikat penerbangan.
11. THTS tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kejadian yang menimpa pelanggan yang diakibatkan oleh 'Force Majeure' seperti bencana alam, kebakaran, rusuhan, peperangan, ribut, gempa bumi atau apa-apa yang berlaku di luar kawalan dan kuasa THTS.
12. Setiap pelanggan dilindungi dengan manfaat perlindungan Takaful Berkelompok Kemalangan Diri (Personal Accident) seperti berikut:

| Situasi                                                       | Jumlah Pampasan (RM)                        |
|---------------------------------------------------------------|---------------------------------------------|
| Kematian atau hilang upaya kekal menyeluruh akibat kemalangan | 10,000                                      |
| Bantuan segera perbelanjaan pengkebumian                      | 500                                         |
| Pembatalan atau pemendekkan perjalanan                        | 1,000                                       |
| Perlindungan bagasi                                           | 1,000<br>(dengan had RM200 setiap barangan) |
| Perbelanjaan perubatan                                        | 1,000                                       |
| Perbelanjaan hospital                                         | 2,500                                       |
| Liabiliti persendirian                                        | 50,000                                      |

- Note:
- Jumlah pampasan di atas adalah anggaran dan tertakluk kepada perubahan syarikat Takaful.
  - Pelanggan 65 tahun kebawah dinasihatkan untuk mengambil Takaful komprehensif sebagai perlindungan tambahan.
  - Pelanggan yang berumur melebihi 65 tahun diwajibkan mengambil Skim Takaful/Insuran Komprehensif dengan bayaran tambahan.



**TABUNG HAJI travel**

HAJI UMRAH PELANCONGAN

*Inspirasi Anda, Sedunia...*

**BANK ISLAM**

Bank Islam Malaysia Berhad • 198301002944(98127-X)

## PROMOSI BERSAMA

**BANK ISLAM DAN TH TRAVEL & SERVICES SDN BHD**

**( 5 JUN 2026 – 30 JUN 2027 )**

### Promotion Terms & Conditions

#### **TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT DARI TH TRAVEL & SERVICES SDN BHD**

14. THTS tidak akan bertanggungjawab ke atas jumlah tuntutan yang melebihi jumlah pampasan yang telah ditetapkan. Selain dari perlindungan asas takaful yang disediakan di dalam pakej, THTS tidak akan bertanggungjawab ke atas apa jua urusan rawatan dan kos perubatan yang timbul sekiranya pelanggan mengalami masalah kesihatan dan menghadapi apa-apa penyakit semasa lawatan.
15. Segala urusan dan keperluan berhubung keadaan fizikal atau penyakit pelanggan, termasuk rawatan dialisis dan lain-lain rawatan untuk masalah kesihatan/penyakit, adalah di bawah tanggungjawab pelanggan sepenuhnya. THTS tidak akan bertanggungjawab sekiranya pihak hospital/pasukan perubatan enggan atau gagal untuk memberikan rawatan kepada pelanggan. Semua kos perjalanan penerbangan balik juga akan ditanggung sepenuhnya oleh pelanggan.
16. Pakej pilihan pelanggan adalah tertakluk kepada kekosongan pakej. THTS berhak menawarkan perkhidmatan pakej pelancongan kategori yang lain sekiranya pakej pelancongan pilihan pelanggan telah penuh.

#### **SYARAT AM**

1. Ahli Kad-i adalah dinasihati supaya membaca dan memahami Terma-terma dan Syarat-syarat di sini sebelum mengambil bahagian di dalam mana-mana kempen kami.
2. Terma-terma dan Syarat-syarat di dalam ini adalah tambahan dan tanpa prejudis kepada Terma dan Syarat Produk/Fasiliti. Sekiranya ada di antara Terma-terma dan Syarat-syarat tersebut yang tidak konsisten, Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan diguna pakai berhubung Kempen/Promosi ini.
3. Semua Terma-terma dan Syarat-syarat di dalam ini adalah tertakluk dan akan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Ahli Kad-i bersetuju untuk terikat dengan bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Malaysia.
4. Untuk maklumat lanjut, sila kunjungi cawangan Bank Islam atau hubungi Pusat Panggilan dan Khidmat Pelanggan kami di 03 26 900 900 atau layari laman sesawang kami di <https://www.bankislam.com> .



**TABUNG HAJI travel**

HAJI UMRAH PELANCONGAN

*Inspirasi Anda, Sedunia...*

**BANK ISLAM**

Bank Islam Malaysia Berhad • 198301002944(98127-X)

**PROMOSI BERSAMA**  
**BANK ISLAM DAN TH TRAVEL & SERVICES SDN BHD**  
**( 5 JUN 2026 – 30 JUN 2027 )**

**Promotion Terms & Conditions**

**PENAFIAN**

1. Bank Islam tidak bertanggungjawab dia atas sebarang tuntutan,kehilangan atau kerosakan, dan hal-hal lain yang timbul berkaitan dengan promosi ini.
2. Terma-terma dan Syarat-syarat Kad-i Bank Islam akan terus terpakai sebagai Terma-terma dan Syarat-syarat utama di samping Terma-terma dan Syarat-syarat untuk promosi ini.
3. Semua Ahli Kad-i dinasihatkan untuk mematuhi prinsip-prinsip Syariah semasa menikmati promosi ini.
4. Promosi adalah tertakluk kepada Terma-terma dan Syarat-syarat peniaga masing-masing.
5. Bayaran mesti dilakukan menggunakan Kad-i Bank Islam.
6. Sekiranya berlaku sebarang pertikaian berkaitan mana-mana promosi, keputusan dari pihak peniaga adalah muktamad.
7. Ahli Kad-i dinasihatkan untuk melayari laman sesawang <https://www.bankislam.com/promotions/> atau TH Travel website <https://www.thts.com.my> untuk maklumat lanjut.